

Parlimen: Sokongan, Semangat Rakyat Kepada Sambutan Kemerdekaan Janji Ditepati Membanggakan - Rais Bernama
24 September, 2012

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Walaupun negeri di bawah pembangkang cuba mengalih tema, logo dan lagu sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, namun penglibatan, semangat dan sokongan rakyat pelbagai kaum dan lapisan umur terhadap program yang dilaksanakan kerajaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 'Janji Ditepati', berada pada tahap yang amat membanggakan, Dewan Rakyat diberitahu Isnin.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata sokongan rakyat pelbagai kaum dan lapisan umur diukur menerusi maklum balas yang diterima berdasarkan penglibatan dan sokongan mereka terhadap program yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Katanya walaupun negeri di bawah pembangkang cuba mengalih tema, logo dan lagu serta beberapa langkah sangkalan lain, rakyat ternyata senang dengan komitmen yang diberi oleh kerajaan selaras dengan tema sambutan Hari Kemerdekaan ke-55, 'Janji Ditepati'.

"Usaha kerajaan Barisan Nasional tetap mencapai kejayaan apabila lebih 150,000 anggota masyarakat khususnya generasi muda membanjiri upacara sambutan dan perbarisan di Dataran Merdeka dan di sekitar Stadium Bukit Jalil," katanya ketika menjawab soalan Datuk Halimah Mohd Sadique (BN-Tenggara) di Dewan Rakyat di sini.

Halimah ingin tahu sejauh manakah tema sambutan hari Kebangsaan 'Janji Ditepati' diterima rakyat keseluruhannya berbanding dengan tema hari kebangsaan oleh negeri pembangkang serta, sejauh manakah perbezaan tema menggambarkan kurangnya semangat Kebangsaan.

Rais berkata sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini menggunakan tema '55 Tahun Merdeka Janji Ditepati', bertujuan mengetengahkan kembali perspektif sejarah kemerdekaan negara dan komitmen pembangunan satu kebajikan kepada rakyat.

Katanya perayaan Hari Kemerdekaan serta Hari Malaysia pada 16 Sept lalu, masing-masing telah membuktikan satu hubungan yang tidak dapat dipisahkan antara rakyat dan kerajaan, serta rakyat dan negara.

Rais berkata kementerian membelanjakan RM5.4 juta berhubung program dan baki peruntukan yang masih ada ialah RM1.7 juta.

Menjawab soalan tambahan Halimah mengenai langkah kerajaan untuk tidak menimbulkan rasa prejudis dari negeri pembangkang mengenai sambutan Hari Kemerdekaan, beliau berkata:

"Malaysia tetap Malaysia di bawah gagasan perjuangan rakyat. Yang terpenting bagi kerajaan memberi semangat cinta kepada negara, pada semua peringkat orang terutamanya golongan muda yang mempunyai tanggungjawab secara terus menerusi keluarga dan pekerjaan, bagi mencapai semangat kekitaan yang utuh."

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696756>